

07/10/2001

Tapak pameran dikawal ketat

Wan Jailani Abdul Razak

LANGKAWI: Semua pintu masuk dan keluar di tapak Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) dikawal ketat bagi menjamin keselamatan peserta dan pengunjung pameran itu bermula Selasa ini.

Tinjauan ke Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Padang Matsirat bagi segmen udara semalam, mendapati anggota Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia (Paskau) dilengkapi senjata ketika bertugas.

Di pintu masuk ke landasan misalnya, dua anggota Paskau bersenjatakan M-16 mengawasi pesawat dan pekerja yang keluar masuk ke tempat pendaratan pesawat secara bergilir 24 jam.

Selain mereka, anggota polis termasuk unit risikan juga bertugas memastikan pekerja mendapatkan pas kebenaran masuk sebelum melakukan persiapan terakhir menjelang Lima '01 mulai Selasa ini.

Ini selaras jaminan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada masyarakat antarabangsa bahawa tidak ada sebab mereka harus khuatir dari segi ancaman keselamatan kerana Malaysia mampu memberi perlindungan kepada mereka.

Pasukan Khas Tentera Laut (Paskal) juga berkawal di Tanjung Malai bagi segmen maritim selain menempatkan tentera dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Sementara itu, tinjauan di MIEC juga mendapati pekerja bertungkus lumus menyiapkan tempat pameran peralatan pertahanan canggih masing-masing dengan reka bentuk bagi menarik perhatian pengunjung.

Pengeluar pesawat Eropah, Airbus, misalnya, adalah antara peserta utama di Lima '01 yang akan memberi tumpuan terhadap nilai teras inovasi, keselesaan dan kesamaan teknikal yang menjadikan barisan produk pesawat modennya pilihan kebanyakan syarikat penerbangan pada abad ke-21.

Pada masa sama, deruman enjin pesawat menggegarkan ruang angkasa Langkawi apabila tujuh pesawat MiG-29 Fulcrum dan enam pesawat F/A-18 Hornet Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) memulakan latihan pertama mereka semalam bagi pertunjukan aerobatik.

Sehingga kini, beberapa pesawat utama yang akan menyertai pameran dwitahunan itu sudah tiba, termasuk pesawat kargo IL-76 dari Russia yang membawa jet pejuang Su-30MK, IL-78 dengan Su-30 N597 dan helikopter Roovalks.

Pasukan Red Arrows Tentera Udara Diraja British yang menyertai pertunjukan untuk kali ketiga berturut-turut sejak 1995 dan helikopter Bell 427 dari Amerika Syarikat dijadual tiba esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Lima '01 di MIEC, pada jam 10 pagi, Selasa ini sebelum dibawa melawat tapak pameran aeroangkasa dan tapak pameran maritim di Tanjung Malai pada sebelah petang.

(END)